



## Kod Moral untuk Menyatukan Manusia Sejagat Ucapan 1990 Rebbe Lubavitch

Rabbi Menachem M. Schneerson

[www.sakooab.org](http://www.sakooab.org)

### **Mesej berikut merupakan “Mesej daripada Rebbe,” Dipetik penuh (seperti yang dicetak) daripada *Lubavitch International*, Vol. 2, No.1 (Summer '90), p. 3.**

Kini kita mendapati diri sendiri berada di satu titik pusingan dalam sejarah dunia. Perubahan telah menyapu dunia ini dalam bentuk pelepasan penindasan, lalu memberi jalan kepada satu iklim peningkatan kesedaran moral. Oleh sebab itu, sekarang ialah masa yang sesuai untuk memikir tentang kedinamikan perubahan-perubahan ini dan pada masa yang sama, mengambil pengajaran daripadanya untuk membawa perubahan ini kepada tahap tertinggi. Dalam menerangkan tujuan Penciptaan, orang-orang alim mengatakan bahawa Tuhan, Punca kebaikan, mencipta dunia ini sebagai satu keinginan untuk berbuat baik. Seperti yang dikatakan dalam Kitab Zabur (Psalms) bab 145, “Tuhan adalah baik kepada semua, dan Belas Kasihan-Nya berada padasemua ciptaan-Nya.” Penciptaan alam semesta adalah pernyataan Ketuhanan tentang kebaikan, seperti seseorang yang bersifat baik akan berbuat baik kepada orang lain. Dengan cara ini, alam semesta dan semua kehidupan adalah penerima-penerima dan objekobjek kebaikan daripada Tuhan.

**Justeru, semua perkara yang berlaku di dunia ini, walaupun kelihatan buruk, sepertibencana alam dan sebagainya, mempunyai kebaikan tersembunyi.** Begitu juga dengan keinginan negatif dalam manusia, yang secara semulajadinya berkeinginan berbuat baik, merupakan “mekanisme” yang direka oleh Tuhan untuk melaksanakan pilihan bebas. Jika Tuhan mencipta dunia yang baik keseluruhannya, dan usaha manusia tidak diperlukan untuk mencapai kebaikan, maka penghargaan untuk kebaikan adalah sangat sedikit atau langsung tiada. Justeru, adalah penting untuk mengetahui, dalam penentangan kejahatan seseorang individu, secara keduniaan, atau dalam diri sendiri; pendekatan yang digunakan tidak harus berteraskan konfrontasi. Seseorang itu harus menegaskan kebaikan dalam manusia dan dalam dunia, serta hanya dengan membawa perkara yang positif ke depan, kejahatan akan dapat diatasi dan beransur-ansur hilang.

Walaupun Tuhan mencipta dunia ini dengan memberi pilihan bebas kepada manusia, namunbegitu, Dia telah memberi kita alat-alatan dan panduan yang diperlukan untuk menggalakkan kita memilih yang baik: sebuah kod daripada Tuhan, undang-undang yang lebih awal daripada semua undang-undang ciptaan manusia, dan hanya satu undang-undang yang sentiasa berkaitan dan boleh diaplikasikan dalam semua tamadun untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral. Undang-undang ini dikenali sebagai Tujuh Rukun Noah, menubuhkan definisi objektif tentang “kebaikan” – undang-undang yang berkuatkuasa kepada semuaorang. Oleh sebab sejarah telah membuktikan moral yang berasaskan idea “kebaikan” manusia, adalah relatif dan subjektif serta tidak semestinya menyakinkan. Tambahan pula, seperti yang diketahui jelas oleh pendidik-pendidik dan agen-agen penguatkuasa undang-undang, ugutan atau hukuman adalah tidak berkesan dalam menyemai tanggungjawab moral yang mendalam. Hal ini hanya dapat disemai melalui pengetahuan – melalui pendidikan, bahawa terdapat satu “Mata yang melihat dan satu Telinga yang mendengar” pada Siapa kita semua bertanggungjawab.

Kod Noah tentang Tujuh Rukun Asas Ketuhanan diberi kepada Noah dan keturunannya selepas banjir besar. Rukun-rukun ini akan memastikan Noah dan keturunannya, pengasas baru keturunan manusia, tidak akan merosot akhlaknya lagi. Rukun-rukun ini, yang mengarahkan penubuhan mahkamah keadilan dan larangan penyembahan berhala, penghinaan Tuhan, pembunuhan, zina sebaka, rompakan, dan memakan anggota badan seekor haiwan hidup (kekejaman terhadap binatang, adalah asas kepada semua moral. Dan semua ini berkembang, dengan undang-undang yang diambil daripada rukun ini, kepada semua aspek kelakuan moral manusia.

Satu tugas tertentu adalah untuk mendidik dan menggalakkan pengamalan Tujuh Rukun dikalangan manusia sejagat. Toleransi agama kini, dan haluan terhadap kebebasan yang lebih memberi kita peluang unik untuk mengembangkan pengamalan Rukun ini. Oleh sebab pematuhan terhadap Undang-undang ini merupakan satu pernyataan Ketuhanan tentang kebaikan, manusia sejagat bersatu dan mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap Pencipta kita. Penyatuan ini menggalakkankeamanan dan hubungan harmoni di kalangan manusia dan akan membawa kepada kebaikan terlung. Seperti yang dikatakan oleh penulis kitab Zabur: “Betapa bagus dan menyenangkan untuk adik-beradik duduk bersama sehati sejiwa.”

---

**Lawati [www.asknoah.org](http://www.asknoah.org)**

*E-mel [SevenLaws@asknoah.org](mailto:SevenLaws@asknoah.org)*

**Patuh kepada Tujuh Rukun Noah!**

*Perjanjian Pelangi, untuk manusia sejagat.*

1. Jangan menyembah berhala – yakin kepada Tuhan
2. Jangan menghina Tuhan – hormat nama-nama suci-Nya
3. Jangan melakukan pembunuhan – hormat nyawa manusia
4. Jangan melibatkan diri dalam 6 hubungan larangan
5. Jangan mencuri – hormat kepada harta benda orang lain
6. Jangan memakan daging binatang yang masih hidup
7. Dirikan mahkamah perundangan – keadilan membawa kepada keamanan

*Dengan Kemurahan-hatian Tuhan*

Rabbi agung M. Schneerson mengesa supaya manusia sejagat diberitahu tentang 7 Rukun Noah. *Rukun ini yang menggariskan tanggungjawab etika dan kemoralan manusia ialah panduan yang benar dan sesuai untuk dunia mencapai keadaan idealistik.* Kitab Taurat mengajar kita bahawa hal ini akan tercapai dengan kedatangan Moshiach (Penyelamat), yang akan menjadi guru dan pemimpin agung kaum Yahudi dan berketurunan dinasti Raja David (Nabi Daud). Dia akan mengajar kemoralan kepada umat manusia, dan mengukuhkan keamanan kepada seluruh dunia. *Kemudian, tiada wabak, peperangan, kedengkian atau perbalahan akan berlaku.* Dalam era Moshiach, manusia sejagat akan mengakui kesatuan Tuhan, dan "*Dunia akan diisi dengan pengetahuan Tuhan seperti mana air mengisi keseluruhan dasari laut*" - Yeshayahu 11:9

---

**E-mel** [ask\\_noah@yahoo.com](mailto:ask_noah@yahoo.com)

**Home page:** [www.asknoah.org](http://www.asknoah.org)

***Translation and banner design by mayura97***

**© '11 AskNoah International**